

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/2009**

=====

**DASAR PEROLEHAN HARTANAH KEPADA WARGANEGARA ASING
BAGI TUJUAN BANGUNAN KEDIAMAN**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan terbaru Pihak Berkuasa Negeri terhadap dasar perolehan hartanah kepada warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No.2/9/2009 bertarikh 25 Mac 2009 yang telah disahkan pada 1 April 2009 telah bersetuju meluluskan cadangan dasar perolehan hartanah oleh warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di Negeri Selangor yang melibatkan perubahan kepada paras harga (*threshold*) hartanah yang terlibat.

- 2.2 Seterusnya garis panduan pelaksanaan keputusan tersebut telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian Bil. 1/2009 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2009.
- 2.3 Walau bagaimana pun, Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No. 25/9/2009 bertarikh 12 Ogos 2009 yang telah disahkan pada 19 Ogos 2009 telah bersetuju untuk **menangguhkan** pelaksanaan keputusan melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 1/2009 tersebut sehingga keadaan ekonomi pulih semula sepenuhnya.

3. **PARAS HARGA BARU**

- 3.1. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah **bersetuju** agar kaedah yang sebelum ini terus diguna pakai mengikut Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 14/2007 bertarikh 16 Mei 2007 yang menjelaskan :-
- i) **Kadar minimum perolehan hartanah oleh warganegara asing bagi rumah kediaman tidak kurang daripada paras harga RM150,000.00 ke atas seunit; dan**

- ii) Kadar minimum perolehan hartanah oleh penduduk tetap yang berkahwin dengan warganegara Malaysia tidak kurang daripada RM60,000.00 ke atas.

4. PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN

- 4.1. Kepada warganegara asing/syarikat asing/penduduk tetap yang telah membeli hartanah kurang daripada RM500,000.00 sebelum ini dan permohonan telah **DITOLAK** dibenarkan untuk mengemukakan permohonan yang baru.
- 4.2. Pemakaian kaedah ini berkuatkuasa serta merta sehingga arahan mengenai perubahannya diberitahu kelak.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa **SERTA MERTA.**

T.T.

(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 01 September 2009